

Pakar setuju ekonomi negara makin mantap

BH-17/2/2001.

KUALA LUMPUR: Pakar ekonomi berpendapat semua angka tunjuk ekonomi sekarang menjurus kepada satu kesimpulan bahawa rakyat sememangnya patut berasa selesa dan hidup lebih sejahtera dan bahagia.

Kemantapan ekonomi kata mereka, akan diterjemahkan kepada peningkatan kesejahteraan sosial rakyat. Ekonomi yang baik membolehkan masyarakat mendapat pekerjaan dan mempunyai wang bagi membiayai keperluan asas hidup.

Pengerusi Pusat Kajian Dasar Awam Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (Asli), Tan Sri Ramon Navaratnam, berkata keadaan ekonomi yang baik akan mengurangkan inflasi dan meningkatkan kuasa beli, faktor penting untuk berasa gembira.

"Paling penting, ekonomi yang baik juga mewujudkan masyarakat sejahtera kerana mereka berasa selamat berikutan penurunan kegiatan jenayah," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam bahawa satu kajian mendapati indeks keselesaan dan kebahagiaan keluarga yang dicapai rakyat negara ini ialah pada 8.2 daripada skala tertinggi 10.

Kajian yang sama juga menunjukkan indeks budi bahasa rakyat adalah 7.2 daripada skala tertinggi 10. Indeks lebih daripada tujuh adalah satu pencapaian yang baik.

Tanpa menyatakan pihak yang membuat kajian itu, Perdana Menteri berkata, rakyat kini berasa lega berbanding keimbangan sebelum ini.

Mengulas lanjut, Ramon berkata, berdasarkan keadaan ekonomi semasa, kajian itu memang berasas dan langkah perlu diambil untuk membolehkannya terus dipertahankan.

Bagaimanapun, Ramon berkata, angka tunjuk ekonomi tidak menyatakan secara keseluruhan mengenai keselesaan rakyat, justeru, kerajaan tidak seharusnya mengambil mudah langkah seterusnya untuk memastikan rakyat terus selesa.

Sementara itu, Penasihat Majlis Pelaksanaan Kebangsaan, Datuk Dr Zainal Aznam Yusof, berkata kesejahteraan dan keselesaan rakyat disumbangkan pelbagai faktor tetapi yang terpenting ialah ekonomi.

"Ekonomi yang mantap membolehkan rakyat memenuhi keperluan asas hidup," katanya.

Meskipun tidak mengetahui mengenai kajian itu, beliau berkata, kesedaran rakyat terhadap kemantapan ekonomi negara banyak dibantu peranan media.

Katanya, kerajaan memberi penekanan terhadap aspek pelaksanaan dan memperkukuh sistem penyampaian bagi memastikan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dapat dilaksanakan seperti dirancang," katanya.

Antara angka tunjuk penting ekonomi ialah Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dijangka 5.9 peratus tahun ini, peningkatan berterusan pasaran saham dengan Indeks Komposit mencecah lebih 1,200 mata, ringgit semakin mengukuh dan pelaburan luar dan dalam negeri kini melebihi RM40 bilion.